

# Medical Card Paling Murah

## Prudential VS AIA

Insurans memang penting, tiada siapa boleh nafikan. Walaupun level tension, menyampah dengan rakan agent insurans duk promote tak berhenti makin lama makin bertambah.

Tapi memang kita tak boleh nak nafi atau kata yang insurans ini kalau ambil merugikan.

Cuma kebanyakan orang akan fikir negative, rugi sebab bayar setiap bulan, tapi bukannya sakit pun. Tapi itulah, kalau kita pula harapkan sakit setiap bulan untuk kita claim insurans, tak sanggup pula rasa nak terseksa menahan sakit.

So kesedaran untuk kita ni perlukan plan insurans bersama dengan medical card terbaik sepatutnya tak perlu, sebab memang kita sudah jelas pun akan kepentingan adanya pelan insurans.

Cuma, ada tak bayaran insurans atau medical card bulanan yang lebih murah?

Jawapannya, **TIADA**

Anda boleh cuba survey sendiri di setiap policy life insurance yang popular di Malaysia, antaranya Great Eastern, Prudential, AIA, Tokio Marine, Zurich, Manulife, AmMetLife dan Etiqa.

Mungkin ada lagi yang lain, tapi saya pilih yang 8 ini sahaja sebab ramai kawan kawan saya yang agent joint hanya ini sahaja. Ataupun saya biasa dengar.

Saya boleh kata, policy, dan monthly cost lebih kurang sama sahaja.

Kawan saya yang ambil Prudential pun dapat layanan terbaik sebab anaknya berkali kali admit hospital masa awal awal

kelahiran.

Atau pun bos saya sendiri yang sakit saja, terpaksa admit, pun berpuas hati sebab dijaga dengan baik oleh AIA.

Saya terpaksa guna contoh orang lain, sebab wife saya memang pemegang policy AIA, tapi dia ni jenis jarang sakit. Belum pernah lagilah demam teruk sangat sepanjang kami bernikah hampir 5 tahun ni.

Apatah lagi sampai nak admit.

So, saya ulang suara, walaupun sebenarnya saya tulis. Medical Card di Malaysia ni tiada banyak bezanya sangat kalau anda banding dari segi harga. Cuma ia akan jadi murah, atau lebih berpatutan kalau anda ambil awal.

Mungkin awal 20an contohnya, banding dengan umur dah 35 baru nak ambil. So memang akan ada perbezaan ketara darisegi harga bulanan yang anda perlu bayar.

## Option Terbaik

Tapi ada satu pelan ini yang bulanannya tak sampai RM 50 dan boleh cover up to 1 million dalam masa setahun.

Ini bukan pelan yang tiba tiba bank call promosi kepada anda ya.

Actually apa yang saya nak cakapkan not even insurans. Tapi sebaliknya ia lebih dikenali sebagai '**perkongsian cost insurans**'.

Seperti contoh kes yang baru berlaku bulan lepas, iaitu kes yang ke **55**

## Crowd Share Last Month

2021-05-25 to 2021-06-24

Crowd Share Amount	RM 36034.82
Total Sharer	3394
Amount Shared per Sharer (Smoker)	RM 12.46
Amount Shared per Sharer (Non-Smoker)	RM 10.39

[Check Details](#)

Details.

Kes ini berlaku di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Pesakit seorang perempuan, berumur 27 tahun ( 2021 ). Ikutkan result diagnosis dalam dashboard membership noted as NERVE RELATED ISSUE (SPINE).

Tak pasti kalau lebih detail bagaimana, tapi yang berkaitan dengan kesakitan tulang belakanglah.

Actually, sebagai member kepada policy ini, kita memang boleh nampak nama dan beberapa detail yang lain. Tapi bukanlah nama penuh, dan jenis tuntutan pun kami tak dapat yang tersangat sangat detail untuk menjaga privacy pesakit.

Tapi rasanya, tak perlu dah maklumat kita tahu kemanalah pergiya duit yang kita bayar setiap bulan **TERJAWAB**.

Ini antara kelebihan utama program inilah, kalau anda subscribe insurans lain, anda bayar bulan bulan, kita sendiri pun tak tahu duit itu pergi kemana. tapi dengan program yang saya tengah kongsikan ini, anda jelas kemana duit itu pergi, dan berapa yang anda perlu bayar.

Kalau kita tengok kes yang ke 55 ni, kalau saya yang jenis merokoknya ini hanya **RM 12.46** sahaja.

Nanti kalau anda join, mungkin 5 ringgit sahaja untuk kita bantu pesakit seperti kes 55 ini.

Actually, perbelanjaan RM 36034.82 bukan untuk satu pesakit sahaja, malahan ada 9 kes kesemuanya untuk tarikh **25/05/2021 – 24/06/2021**.

Tapi saya sengaja tak senaraikan semua, nanti anda boleh lihat sendiri.

## **So? Kenapa Masih Lagi Bayar Premium?**

Ok, seperti yang saya katakan tadi ini bukan seperti policy insurans yang anda bayar atau dengar dari pakej pakej seperti AIA atau Prudential dan sebagainya.

So selain daripada dua kelebihan yang paling utama iaitu:

1. bulanan yang dibawah RM 50
2. kita tahu kemana duit kita dibelanjakan

Program ini juga ada kekurangannya.

Dan untuk pengetahuan anda juga, program ini not even apply pun sebagai insurance agency pada Bank Negara. Sebab ia hanyalah perkongsian medical cost kepada member yang terlibat.

So, kalau anda memang mampu bayar banyak bulan bulan, dan tidak rasakan ia sebagai satu masalah yang besar, memang anda tak perlu join pun program ni.

Tapi kalau anda rasa, aduh masalahnya untuk maintain bayar RM 200 ke 300 sebulan. Anda sangat sangat digalakkan untuk join program ini. Atleast kita ada protection walaupun ia tak sebaik membayar premium.

Nanti, saya akan kongsikan kekurangan program ini, tapi

sebelum itu, saya nak kongsikan juga contoh program seperti ini di luar negara.

## Program Seperti Ini di Luar Negara

Kalau anda rasa pelek, atau macam tak percaya, memang pun. Even saya sendiri pun tak sangka ada program seperti ini. Tapi di Malaysia memang kita akan rasa pelek, sebab program ini pioneer.

Tapi kalau di luar negara memang dah banyak sangat dah. Kita ambil contoh di America sahaja. America sahaja ya, tak termasuk negara lain, di America sahaja ada.

Antaranya ialah Medishare, Christian Healthcare, Samaritan dan Liberty HealthShare. Anda boleh rujuk senarainya di [wellkeptwallet](#), ataupun di [kitces](#).

## Offer

Baiklah, itu sahaja. So sekarang adakah anda berminat dengan program ini? Kalau ya, boleh isikan email dibawah, saya akan kongsikan satu video penerangannya lebih detail. Kelebihan dan kekurangan juga saya akan ada kongsikan dalam video itu.

Ingat ya, ini adalah option terbaik untuk mana kawan kawan kita yang bukanlah nak kata mampu, tapi mungkin bukan keperluan lagi untuk tempoh terdekat, tapi dalam masa yang sama, nak juga rasa secure seperti mereka yang pemegang policy premium.

---

# Medical Card Terbaik Di Malaysia

Jadi apakah medical card terbaik terbaik di Malaysia? Adakah Prudential, mahupun AIA? Atau pun ada lagi yang lain? Untuk pengetahuan anda, Insurance ni yang saya tahu dan faham dan nampak kesan positifnya cuma dua sahaja. Iaitu [AIA](#) atau pun [Prudential](#).

Dua ini sahaja, AIA sebab saya memang pernah subscribe [Medical Card](#) sebelum ini. Masa tu harga bulanan lebih kurang dalam RM 50 lebih. Rasanya pakej AIA yang ini sudah tiada lagi. Untuk prudential pula sebab ada kawan rapat yang guna. Rasanya dia ambil family plan.

Ingin lagi, dia cerita. Masa tu mula mula baby baru lahir. Biasanya lah kesihatan baby tak menentu awal awal kelahiran. Jenuh juga dia ulang alik, kosnya masa tu dalam RM 2 500 kalau tidak silap. Tapi sebab kan ada Medical Card Prudential, semuanya bisa di atur.

Perhatian!!!

Saya ni bukan [agen insurance](#) untuk mana mana company ya. Saya pun pengguna seperti anda. saya pun blur nak buat permohonan medical card yang mana satu. Saya pun macam anda yang menyampah dengan kawan yang promote insurance ni. Biasalah, kalau diorang ni bercakap, akhirnya mesti ending dengan minta sign up insurance diorang.

Memang lah kita menyampah, tapi penting dan sangat berguna juga untuk kita ambil

## Medical card apa yang paling OK ni?

Sebenarnya, bagi saya sendiri lah. Tiada medical card yang terbaik. kalau ada pun tak beza mana pun.

Contoh macam AIA dengan Prudential. Saya dulu memang rasa AIA paling OK. Plan murah dan ganjaran besar. Tapi bila bawa ke Hospital Fatimah, Swasta. Tak diterimanya. Sebab? Ada dua. Satu, memang staff Hospital Swasta si Fatimah ini tak alert. Dua, sebab pengurusan AIA yang masih lagi tak kemas.

Bila ngadu dekat Agen. Dia cakap, ‘oo hang pergi lah Hospital Ipoh Specialist, banyak client aq pergi sana’. Ada juga sedikit menyampahnya dengar alasan dia tu. Padahal masa mula mula sembang sign up, punya dengan bangga dan yakinnya kata, “hampir semua hospital swasta di Ipoh hang boleh pergi”.

Kesimpulannya.

1. Pastikan pakej dan harga bulanan yang anda mampu bayar
2. Kedudukan anda di mana, contoh di Ipoh, memang banyak hospital yang AIA boleh cover. Tapi kalau di Kelantan, kalau tidak silap, masa isteri saya sign up ada dua buah sahaja. Jarak jauh juga boleh main peranan.
3. Berapa orang tanggungan.
4. Dan antara yang paling penting juga ialah berapa banyak boleh cover? Dan kalau terlebih dari apa yang mampu dicover, berapa pula yang selebihnya anda mesti bayar. Soalan ini mungkin soalan yang paling utama untuk anda tanya kalau nak sign up.
5. TAMBAHAN!!! Saya lupa benda yang tak kurang juga pentingnya, ialah agen yang promosikan insurance pada anda tu. Percayalah, bila nak sign up memang semuanya nampak smooth, tapi bila dah tiba masa nak guna pasti akan tangguh itu lah, tangguh ini lah. Benda benda ini semua sepatutnya biar agen yang selesaikan.

Untuk soalan berapa banyak boleh cover atas tadi anda kena tahu sikit lah denga harga pasaran kos perubatan.

Seperti contoh, adik saya pernah eksiden patah kaki. Total kos RM 10 000. Selamat lah adik beradiknya memang berduit. Heheh

Kalau tak? Mana nak cekau?

So total RM 10 000 ni memang boleh cover selamba kalau dengan AIA. Sebab kalau tak silap AIA cover up to RM 27 000. Kalau lebih, anda hanya perlu bayar by beberapa percentage sahaja. Selebih nya AIA yang akan bayar.

Prudential pula, saya ada tanya kawan ( agen ), dia cakap lebih kurang dalam RM 200. Bergantung kepada umur dan pakej nya. Cover sampai RM 100 000 dalam setahun. Banyak juga tu.

Apa apa pun, pandai pandai lah anda buat pilihan.

Di bawah adalah ranking Top Insurance di Malaysia pada tahun 2016

Rank	Brand	2016 Score
1	Prudential	32.8
2	Great Eastern Life	20.5
3	AIA	19.5
4	Etiqa	16.1
5	Allianz	12.9

\*\*\*ini adalah top buzz, yang ditanya pada respondents. So rasanya mungkin data ini tak berapa tepat. Tapi yang penting, sedikit sebanyak kita dapat lah nampak mana satu yang pelopor ya. Anda boleh rujuk report penuh daripada [BrandIndex](#)

---

## Agaknya, Kenapa Perlu Ambil Insurans Ya?

Terus terang kata, antara type kawan yang malas nak sembang ialah yang jenis jual insurans ni.

Mulut orang orang ni, kalau asalkan dia buka ja, mesti tak lain tak bukan akan sembang pasal insurans dia.

Tak kesah la jumpa kat mana mana, mesti endingnya sembang pasal insurans dia.

Tapi adakah ia memang betul betul menyampaikan hati?

Semestinya tidak.

## **InI Sebab Utama Kenapa Insurans Penting!**

Insurans kalau di ambil insyaAllah di jamin memudahkan kita di hari mendatang, Cuma mungkin cara marketing orang orang ni tak berapa nak target so buatkan orang yang tak berapa nak percaya pun di targetnya sebagai customer.

## **Sebab Utama Saya Ambil Insurans?**

Ya, saya memang pemegang insurans medical kad daripada AIA.

Bukan Prudential,

Bukan juga apa apa takaful pun.

Kenapa Saya Ambil?

Sebab malang tak berbao. Itu sahaja sebabnya.

\*\*eh saya bukan nak promote ya, ini situasi yang sebenar, dan saya juga bukan agen insurans.

So ceritanya macam ni...

Pernah adik sepupu saya, eksiden, perutnya macam dah problem. Kos perbelanjaan lebih dari 8000.

Itu selamat ada duit..kalau tak ada?

Tak meragih mencari...

Kalau ada duit pun, agak berapa lama nak kumpul tu? Ada juga setahun, so 8000 hilang macam itu sahaja.

Bukan lah berkira dengan sepupu sendiri, atau anak sendiri ceritanya kat sini. Cuma ada jalan lebih mudah untuk kita boleh cover 8 000 ni. Malah dengan sesetengah insurans, anda boleh discover lebih dari 8 000, macam saya sendiri AIA 22 000 kalau tak silap.

Yang kos bulanan hanya dalam RM 60.

Kalau ada yang terfikir,

Hang bayar tiap bulan, kalau tak eksiden macam mana? Tak ke rugi tu..

Ini mindset yang amat salah, saya sendiri pun ada fikir macam ni dulu.

Rasa rugi sebab belanja RM 60 ( lebih kurang, saya lupa dah ) setiap bulan padahal tak eksiden pun. Tak patah kaki pun.

*Persoalannya, kau nak ke eksiden?*

*Nak ke patah kaki?*

Mesti lah tak nak kan.

So bila ambil insurans, bukan bermakna kita ni nak doakan kita guna insurans tu, cukup lah sebagai at least ada yang cover kita bila malang tu tak berbao.

Kalau anda boleh bau, lain cerita..

## Tips Memilih Insurans?

Dalam sejarah pengalaman hidup saya.

Insurans yang saya biasa dengar OK.

Ialah, AIA, Prudentials dan Juga Takaful Malaysia.

Ya 3 ini sahaja.

Kalau anda dengar Tokyo Marine ka, apa ka.

Saya hanya yakin dengan 3 ini sahaja...

Bagi saya, kalau anda pilih insurans mana satu, saya cadangkan beberapa points ini sahaja untuk anda consider, yang lain tak tahu pun tak apa.

Ye la, policy insurance buku tu punya lah tebai. Memang tak ada masa lah nak baca satu satut.

Ok..

## **Yang Pertama**

Jumlah yang insurance tu boleh cover.

Kalau AIA dalam 22 000 kalau tak siap saya.

Kiranya, dekat sini, saya tengok lah rekod rekod, contoh macam adik sepupu saya sendiri tu kos perut problem dalam 10k.

Adik saya sendiri, kaki patah eksiden, kos dalam 10k kot. Tak sampai 15k.

So 22k, adalah reasonable lah bagi saya.

Dan kalau lebih, dengan AIA ia akan tangguh by percentage, kalau tak silap saya. Katakan kos 50 000, dia akan cover dalam berapa percent. Banyak juga portionnya, saya lupa dah.

So itu sebab pertama, tanya dia berapa banyak dia cover.

## **Ke Dua**

Mesti ada medical card.

Medical card penting, dan sangat memudahkan. Kalau anda ada ni, semua process jadi senang, tunjukkan sahaja dah setel. Prudential dan AIA saya tak rasa ada masalah.

Kawan saya sendiri, guna Prudential, rasanya dia ambil yang

family punya, dalam RM 150 ringgit sebulan kalau tak silap.

## Ke Tiga

Reputable Company.

Saya pun tak pasti lah apa yang saya nak jadikan tajuk no 3 ni. Tapi maksud saya macam ini lah, kalau ikutkan perjanjian. AIA yang saya ambil, tiada masalah langsung untuk pergi hospital swasta terpilih di Ipoh tu. Hospital yang saya pergi hari Hospital Fatimah nun.

Kalau ikut perjanjian, memang Hospital Fatimah ni termasuk dalam hospital panel untuk AIA.

Tapi entah mana, si staff Hospital ni boleh tak tahu pula.

Mula mula, cakap boleh, bila saya dah buat treatment, kata tak boleh pula. So terpaksa keluarkan duit tangan. Nak jadikan cerita, boleh pula ada ATM bank betul betul tepi bilek tu.

Adoi..

Untuk 3 company insurans yang saya rekemen tu, saya percaya kalau Prudential tiada masalah.

Mungkin banyak customer yang sudah keluar masuk hospital yang sama contohnya.

So, bila diorang kenal dan biasa, ia tiada masalah.

Yang AIA ini pun tiada masalah, sepatutnya boleh, biasa lah kes macam ni. Salah faham terlampau selalu sangat timbul.

## Ke Empat

Ini paling penting..

Anda mesti sign up dengan Agen yang terbaik.

Kena ingat, tanggungjawab Agen Insurans ni bukan sekadar, first time masa anda ambil sahaja. Sepanjang anda ambil itu

dia kena follow up. Lagipun, sepanjang anda bayar itu lah dia dapat komisyen tau. So, memang dia kena follow up.

Untuk agen AIA saya ni, dia memang aktif, jadi saya tak perlu risau sangat.

Kalau ada masalah dengan mana mana hospital, hanya perlu roger dia sahaja.

Nanti apa apa saya update bawah ni..

Sekian dulu...